

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

HKN 404 Seminar dalam Kesusasteraan Nusantara II:
Aspek-Aspek Persejarahan

Masa: [3 jam]

Kertas peperiksaan ini mengandungi LAPAN [8] soalan dalam DUA [2] muka surat.

Jawab EMPAT [4] soalan, sekurang-kurangnya SATU soalan daripada setiap Bahagian A, B dan C.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A

1. Rene Wellek berpendapat bahawa sesebuah hasil Sejarah Kesusasteraan perlu memperlihatkan beberapa ciri tertentu. Dengan contoh-contoh yang jelas huraikan ciri-ciri ini.
2. Di antara masalah-masalah utama di dalam membentuk satu sejarah sastera aspek pengkaedahan di dalam menggabungkan kedua-dua konsep sastera dan sejarah merupakan satu masalah yang rumit. Berikan pertimbangan kritis mengenai perkara ini dengan secara khusus merujuk kepada persoalan periodisasi atau penzamanan.

BAHAGIAN B

3. Dengan menggunakan carta yang sesuai huraikan sifat-sifat perkembangan kesusasteraan Melayu tradisional. Berikan penilaian anda tentang kedudukan sumbangan Islam di dalam perkembangan kesusasteraan Melayu tradisional.

.../2

4. Masalah genre atau jenis di dalam kesusasteraan Melayu tradisional bukan sahaja terletak pada ketiadaan perbincangan mengenainya oleh penulis-penulis zaman tersebut tetapi juga disebabkan oleh penanganan tentangnya telah dilakukan oleh sarjana-sarjana Barat. Bincangkan.

5. Ada beberapa halangan yang nyata bagi kita melaksanakan satu penulisan sejarah sastera yang konvensional secara memuaskan. Bincangkan mengenai halangan-halangan ini dan seterusnya kemukakan satu alternatif yang menasabah.

BAHAGIAN C

6. Bincangkan faktor-faktor luaran yang membentuk perubahan-perubahan di dalam kesusasteraan Melayu baru di zaman awalnya. Sejauh manakah anda fikir faktor-faktor ini membawa kesan kepada unsur-unsur dalaman hasil-hasil tersebut.

7. Terdapat perbezaan yang jelas di dalam pendekatan terhadap periodisasi di dalam sejarah sastera Melayu Moden dan Sejarah Sastera Indonesia. Bincangkan perbezaan ini dan jelaskan sebab-sebab terjadinya perbezaan pendekatan ini.

8. Konsep Angkatan Penulis dan Golongan Penulis nyata memperlihatkan perbezaan. Secara kritis bicarakan kegunaan dan kewajaran konsep-konsep ini di dalam membicarakan sejarah kesusasteraan Melayu atau Indonesia.

-oooOOOooo-